

Kod Etika Pengambilan Semula Milik



Beberapa ketika dahulu terdapat berita tentang seorang pemilik kenderaan telah mati terbunuh apabila diserang oleh beberapa orang penarik kereta. Keadaan ini seolah-olah menunjukkan kegiatan menarik kereta ini tidak mempunyai peraturan tertentu sehingga keadaan seumpama ini berlaku.

Pada tahun 1992, satu kod etika pengambilan semula milik telah dirangka oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, FOMCA, Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia dan Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia. Kod etika ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan bagi kegiatan pengambilan semula milik. Garis panduan ini adalah merujuk kepada Akta Sewa Beli 1967 yang membolehkan penjual sebagai pemilik boleh mengambil semula produk yang dijual di bawah sewa beli.

Perhatian:

Semasa pengambilan semula milik, penyewa perlu meminta daripada pengambil semula milik:

- Satu salinan notis mengikut Jadual Keempat Akta Sewa Beli 1967.
- Kad pengenalan dan kad kuasa
- Meminta masa untuk mencukupi untuk memeriksa kenderaan dan mengeluarkan barang-barang persendirian.


Kod Etika Pengambilan Semula Milik

- Bilangan orang yang bertugas untuk mengambil semula milik hendaklah kecil melainkan keadaan memerlukan bantuan tambahan.
- Pengambil semula milik hanya boleh memasuki kawasan premis dengan pengetahuan dan kebenaran penghuni.
- Pengambil semula milik hendaklah bersopan santun dan berpakaian kemas. Mereka harus mengekalkan

Ke muka 8 ►►

SENDA PENGGUNA

Nasi Campur Multi-Nasional



Protokol Kyoto telah dikuatkuasakan perlaksanaannya pada 16 Januari 2005. Tujuan diwujudkan Protokol ini untuk mengurangkan pembebasan gas rumah kaca. Gas rumah kaca merupakan faktor yang menyebabkan masalah pemanasan global sebagaimana yang dialami pada masa ini. Cuaca di beberapa tempat di Malaysia ada yang dikatakan mencapai 40°C.

Pelbagai punca yang menyumbang kepada kewujudan gas rumah kaca ini. Pembakaran terbuka, penggunaan peralatan berasaskan aerosol, asap kenderaan dan sebagainya.

Namun begitu, pemanasan yang berlaku ini dapat diseimbangi oleh kawasan hijau seperti pokok-pokok yang terdapat di kawasan hutan hujan, lerengan bukit dan seumpamanya.

Malangnya akibat pembangunan yang pesat, kebanyakan kawasan hijau ini mulai berkurangan. Pembangunan projek perumahan di kawasan-kawasan strategik mengorbankan banyak kawasan hijau ini. Keadaan yang berlaku baru-baru ini berhampiran Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam di Shah Alam merupakan salah satu daripada contoh yang berlaku. Kerakusan pemaju-pemaju projek perumahan meratakan kawasan hijau tanpa mendapat kelulusan perancangan daripada pihak berkuasa tempatan. Keadaan ini amat dikesali kerana ia menampakkan pemaju-pemaju ini mementingkan keuntungan yang bakal diraih daripada jualan pokok-pokok yang ditebang itu.

Persoalan yang timbul ialah, mengapakah projek perumahan boleh diluluskan di kawasan berhampiran kawasan pertanian tersebut. Bukankah kewujudan projek perumahan tersebut bakal menggugat ekologi taman pertanian berkenaan?

Lebih mengejutkan lagi rupa-rupanya banyak lagi kawasan hijau ini yang telah diterokai di beberapa tempat yang lain. Banyak pula dilaporkan ia berlaku di kawasan tadahan hujan yang menjadi sumber pengumpulan air hujan. Tidak hairanlah jika apabila berlaku musim kemarau, kawasan empangan sering mengalami susutan air. Ini kerana kebanyakan sumber air ini meresap ke dalam tanah kerana tiadanya kawasan hijau yang menjadi tunjang bagi membantu mengalirkan air tersebut ke dalam sungai-sungai.

Sewajarnya tindakan drastik perlu dilakukan agar keadaan ini tidak berterusan berlaku. Kawasan hijau ini perlu dipelihara sebagai warisan serta habitat flora dan fauna. Penerokaan tanpa perancangan dan tidak menitikberatkan kepentingan alam sekitar akhirnya nanti akan menimbulkan masalah lain pula. Kejadian runtuh cerun bukit yang berlaku di kawasan lebuhraya Bukit Lanjan, keruntuhan bangunan Highland Tower, rumah yang ditimpa runtuh di Taman Hillview merupakan antara bencana akibat ketidakpekaan kepada kepentingan alam sekitar.

SIDANG REDAKSI

Penasihat:

Y. Bhg. Dato' Talaat bin Hj. Husain

*Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna*

**Ketua Sidang Pengarang
Isamil bin Jantan**

**Timbalan Ketua Sidang Pengarang
Mohd Yusof bin Abdul Rahman**

**Sidang Pengarang
Azendi bin Mohd Zawawi
Nazleen bte Mohd Emran
Noor Jamal Ali
Indrani Thuraisingham
Siti Rahayu bte Zakaria**

Dicetak oleh Syarikat Asas Jaya

Buletin Pengguna merupakan penerbitan usahasama di antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Sumbangan artikel amat dialu-alukan. Sila hantarkan sumbangan kepada:

**Editor,
Buletin Pengguna,
No 1D-1, Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17, 47300 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.**

Emel: buletinpengguna@hotmail.com
Laman Web KPDN & HEP : www.kpdnhp.gov.my
Laman Web FOMCA : www.fomca.org.my

Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

Kesan di sebalik penggunaan Botox



Penggunaan kosmetik di kalangan wanita merupakan suatu yang lumrah. Pelbagai jenis kosmetik wujud di pasaran bagi memenuhi tuntutan kaum wanita. Selain itu, peniaga turut menawarkan bermacam-macam jenis perkhidmatan yang berunsurkan kecantikan. Malahan ada juga mengadakan perkhidmatan pembedahan kulit dan penggunaan bahan tertentu untuk tujuan ini. Di antara bahan yang sering digunakan ialah Botox, yang disuntik pada kulit.

Biarpun botox dapat memberikan kecantikan dan ketegangan kulit, namun ia boleh memberikan kesan sampingan. Ini tidak begitu disedari oleh para pengguna kerana ia tidak didedahkan kepada mereka apabila ingin mengambilnya.

Apakah Botox?

Botox merupakan singkatan kepada toksin botulinum A, iaitu cairan yang terdapat di dalamnya racun makanan yang dihasilkan bakteria *Clostridium botulinum*. Pada jumlah kecil, Botox dapat menahan sel-sel saraf dan menyebabkan "kelumpuhan" pada otot-otot wajah.

Botox mulai digunakan pada 1980-an untuk merawat beberapa kerosakan otot, seperti kerutan pada mata, kelopak mata dan kedipan mata yang tidak terkawal. Rawatan kosmetik dibuat dengan melakukan pembedahan dermatologis (kulit) pada 1987.

Dalam jumlah penggunaan yang kecil, Botox bekerja dengan cara "melumpuhkan" otot-otot pada wajah yang digunakan untuk mengerutkan kening dan mengangkat alis. Ketika otot-otot itu berkeadaan rehat, garis-garis lurus atau kerutan pada dahi dan bawah mata akan rata dengan sendirinya.

Namun jika ia diambil secara berlebihan, rawatan dengan Botox akan menjadi wajah yang kehilangan ekspresi muka. Kesan sampingan ini merupakan masalah yang besar kepada sebahagian yang sering menggunakannya.

Kesan suntikan botox hanya akan dirasai dalam

tempoh tiga hingga tujuh hari selepas rawatan. Ia akan berlangsung selama tiga hingga empat bulan. Apabila rawatan ini dibuat secara berulang-ulang, ia akan menyebabkan pertumbuhan pada bahagian-bahagian tersebut terhenti atau menyebabkan berlakunya penipisan otot. Lantaran itu, botox tidak sesuai digunakan di kawasan sekitar mulut, kerana kawasan tersebut amat penting untuk tujuan ekspresi wajah dan mengunyah makanan.

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji dari Universiti Ludwig-Maximilian di Munich, Jerman terhadap 16 sukarelawan yang sebahagian daripadanya disuntik botox pada ketiak mereka. Sukarelawan itu diminta memakai baju tanpa perlu berganti selama 24 jam. Bahagian baju pada ketiak dipotong dan setiap orang dinilai berdasarkan bau badannya dengan skala 6 bagi bau yang tidak menyenangkan dan 0 bagi bau yang wangi.

Hasilnya, sebahagian sukarelawan yang tidak disuntik botox pada ketiak mereka mendapat nilai markah sebanyak 2.69, manakala yang tidak disuntik pula mendapat markah 1.83. Menurut ketua pasukan pengkaji tersebut, Marc Heckman, ketiak yang disuntik dengan botox selain daripada tidak berbau, juga lebih kering. Selain itu, satu

4 LUMPUH AKIBAT BOTOX

Sebuah klinik di Florida yang menawarkan suntikan Botox pada harga rendah disiasat selepas empat orang lumpuh.

Akhbar The Telegraph melaporkan ejen persatuan yang menggeledah Advanced Integrated Medical Centre, sebuah klinik swasta di Ford Lauderdale, dikatakan menemui kertas kerja sebuah syarikat pengedar farmaseutikal yang menjual ubat tiruan untuk tujuan rawatan anti-kedut.

Berita Harian, 6 Disember 2004

Ke muka 4▶▶

suntikan botox yang mengambil masa beberapa minit itu boleh bertahan sehingga 6 bulan. Dalam jurnal *Archives of Dermatology*, Heckman dan kumpulannya menulis hasil kajian mereka itu dengan rumusan bahawa botulinum toksin mampu mengurangkan bau badan. Ini kerana wujudnya reaksi mikrob kulit dan berkurangnya kelenjar peluh.

Kesan sampingan

Beberapa pengguna bahan ini mengadu tentang rasa sakit di bahagian bekas suntikan. Terdapat juga yang merasakan bentuk alisnya tiba-tiba layu. Demikian juga rasa sakit kepala. Botox perlu mendapat preskripsi daripada doktor sebelum menjalani sebarang proses pengambilannya. Dos di luar ukuran biasa akan menyebabkan keracunan dan kesan yang berbahaya. Selain daripada itu, botox juga tidak boleh digunakan oleh semua orang. Di antaranya mereka yang alergi terhadap komponen toksin itu

atau tidak boleh menerima suntikan seperti wanita hamil, ibu menyusui dan kanak-kanak di bawah 12 tahun.

Penggunaan ubat-ubatan tertentu, seperti penghilang penyakit dan beberapa antibiotik, boleh menyebabkan kesan lebam pada bahagian suntikan tersebut yang adakalanya agak parah. Lantaran itu, sebelum menggunakan suntikan ini, maklumkan terlebih dahulu kepada doktor tentang ubat-ubat yang diambil

Sebuah jurnal kesihatan lain pula menyatakan bahawa kulit berkedut merupakan tanda kepada proses penuaan. Oleh itu, sebagai cara untuk mengurangkan atau melambatkan proses tersebut, ialah dengan menghindari penerimaan cahaya matahari secara terus. Selain itu, bagi yang merokok, hentikan tabiat tersebut. Amalan lain ialah dengan sering melakukan senaman. Penggunaan Botox hanya sekadar melambatkan proses penampilan kedutan tersebut, tetapi tidak boleh menghentikan proses penuaan.

Sumber: *Erkus/BBC/CNN*

ISU PENGGUNA

CHINA KOMERSIALKAN BERAS GENETIK

China berkemungkinan muncul negara pertama di dunia yang akan menghasilkan dan mengkomersialkan beras yang dihasilkan secara ubah suai genetik (GM).

Menurut agensi berita Xinhua, empat jenis beras jenis GM ini telah dikemukakan dalam mesyuarat Keselamatan Biologi untuk tujuan kelulusan. Mesyuarat ini dianjurkan oleh Kementerian Pertanian China.

Ketua projek beras GM tersebut, Prof. Zhu Zhen berkata, usaha mewujudkan beras GM ini bagi menampung keperluan rakyat China yang berpenduduk seramai 1.3 bilion orang. Kajian ini telah mengambil masa selama enam tahun ke atas jenis khas beras tersebut, yang mana dua daripadanya didapati mempunyai ketahanan bagi melawan ancaman makhluk perosak, manakala yang lain pula kebal kepada penyakit.

Biarpun begitu, persoalan utama yang timbul ialah produk berasaskan GM ini berkemungkinan mendatangkan kemudaratan terhadap kesihatan dan alam sekitar. Persoalan ini telah menyebabkan tercetusnya pertikaian di antara Amerika Syarikat yang pro-GM dengan negara-negara Eropah yang

lebih mengambil sikap berhati-hati terhadap produk GM.

Perdagangan berasaskan produk GM ini menghasilkan keuntungan berbilion dolar walaupun keselamatannya masih dipertikaikan. Namun begitu, rantau Asia merupakan penentu utama bagi produk makanan yang berasaskan GM ini. Sekiranya negara Asia menerima dakwaan Amerika Syarikat bahawa produk GM selamat dimakan, ditanam dan merupakan jawapan kepada permintaan tinggi penduduk dunia. Keadaan ini menjadikan produk seperti beras, kacang soya dan jagung GM menjadi makanan utama penduduk dunia.

Walau bagaimanapun, jika negara Asia mengambil sikap berhati-hati sebagaimana negara Eropah, dengan mewajibkan pelabelan produk tersebut dan mewujudkan mekanisme bagi mengesan kewujudan GM dan sumber bahan pertanian, ini akan meletakkan industri bioteknologi sebagai satu syarat utama sebelum produk GM boleh diterima.

Sumber: *Berita Harian, 9 Disember 2004*

Pendekatan Peniaga Mesra Pengguna

Oleh **GHAZALI LATEH**,
Banting, Selangor



Artikel ini memenangi tempat ketiga kategori 19 tahun atas dalam pertandingan Mengarang Esei Kepenggunaan, sempena Hari Pengguna Malaysia 2004, anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan FOMCA.

"Pengguna Sentiasa Betul", begitulah slogan yang sering kita dengar dalam memperkatakan isu dan hak pengguna berhubung sesuatu urusan perniagaan. Ungkapan tersebut membawa implikasi bahawa pihak yang mendapat pembelaan, kelebihan atau keistimewaan dalam sesuatu situasi jual beli ialah pengguna. Dalam kata lain, ungkapan tersebut sebenarnya merupakan slogan pemanis yang digunakan peniaga untuk menarik minat pengguna untuk meneruskan sesuatu pembelian.

Konsep mesra pengguna ini membawa kepentingan-kepentingan yang signifikan dalam urusan perniagaan. Antara kepentingannya ialah pengguna berasa selesa dan terjamin untuk meneruskan pembelian. Dengan konsep ini pengguna sentiasa diberi jaminan bahawa mereka akan mendapat belian dan perkhidmatan yang terbaik daripada peniaga. Oleh itu, jual beli akan



berjalan lancar.

Sesetengah pengguna pula begitu prihatin terhadap jumlah wang yang dibelanjakan untuk membeli sesuatu. Mereka akan membuat tinjauan dan berusaha untuk mendapatkan maklumat tentang barangan yang hendak dibeli dari segi mutu, harga dan sebagainya. Ketika inilah konsep mesra pengguna sangat penting.

Sesuatu urusan jual beli melibatkan kedua-dua belah pihak iaitu pengguna dan peniaga. Sebagai peniaga mereka bergantung sepenuhnya kepada pengguna untuk membeli barangan mereka bagi meneruskan pusingan modal dan sebagainya. Peniaga perlu berusaha untuk membuktikan bahawa produk mereka adalah yang paling menjadi pilihan melalui konsep mesra pengguna.

Sesuatu produk di pasaran perlu didedahkan sebaik mungkin tentang mutu dan kelebihanannya. Selain iklan melalui media massa, peniaga sendiri berperanan untuk memperkenalkan produk berkenaan kepada pengguna mereka. Iklan semata-mata tidak dapat meyakinkan pengguna tentang kelebihan sesuatu produk yang baru diperkenalkan. Malah, jika peniaga dapat memperkenalkan dan menonjolkan mutu produk-produk baru kepada pengguna nescaya mereka akan mendapat keuntungan daripadanya.

Seterusnya, mesra pengguna ini juga akan mewujudkan konsep kepenggunaan yang positif. Pengetahuan kepenggunaan menjadi satu isu yang semakin mendapat perhatian masyarakat akhir-akhir ini. Pendekatan mesra akan membuktikan pihak peniaga menghayati konsep kepenggunaan masa kini. Gabungan kedua-dua situasi ini akan

Ke muka 6 ►►

« Dari muka 5

memungkinkan kewujudan hubungan yang akrab antara pengguna dengan peniaga.

Selain itu, ia juga akan dapat menyelesaikan pertelingkahan yang sering berlaku di antara pengguna dengan peniaga. Jadi, amat penting bagi peniaga menggunakan pendekatan mesra pengguna untuk mengurangkan jurang buruk sangka di kalangan pengguna.

Perkembangan ekonomi masa kini banyak bergantung kepada kuasa beli pengguna. Galakan berbelanja yang berhemah oleh kerajaan sudah tentu disambut oleh masyarakat yang berhati-hati.

Oleh itu, peniaga perlu menggunakan segala sumber dan pendekatan untuk memastikan mereka dapat memenangi hati pengguna.

Kesimpulannya, pendekatan mesra pengguna mempunyai banyak kepentingan. Selain itu, pengguna juga akan terhindar daripada perasaan tidak berpuas hati dengan layanan, perkhidmatan atau barangan yang dibeli. Justeru, kepentingan jangka panjangnya adalah ekonomi akan terus berkembang secara berterusan dan akan mendatangkan kesejahteraan kepada semua pihak dalam merealisasikan wawasan 2020.

RUANGAN PUSAT KHIDMAT ADUAN PENGGUNA NASIONAL



No. 1C-1, Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor
Tel: 03-7877 9000
Faks: 03-7874 8097
Emel: nccc@eraconsumer.org
www.eraconsumer.org

ADIL • PROFESIONAL • BERKESAN

IJAZAH IPT SWASTA TIDAK DIIKTIRAF

Pengadu merupakan seorang graduan sebuah pusat pengajian tinggi swasta, yang mendakwa kursus yang diikutinya itu telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Beliau mengambil kursus perakaunan di pusat pengajian tinggi tersebut yang mengadakan program berkembar dengan sebuah universiti di United Kingdom. Beliau mengatakan pihak pengurusan pusat pengajian tinggi itu menunjukkan salinan pengiktirafan daripada JPA semasa memohon kursus tersebut.

Namun setelah menamatkan pengajian dan ingin menduduki peperiksaan kelayakan menjadi akauntan bertauliah, permohonan beliau telah ditolak oleh Institut Akauntan Malaysia. Ini kerana ijazah yang beliau miliki itu tidak diiktiraf oleh JPA.

Untuk mendapatkan pengesahan, beliau telah menghubungi JPA dan mendapat

pengakuan secara bersurat bahawa ijazah tersebut memang tidak diiktiraf.

Setelah berusaha lebih setahun setengah, beliau hampir berputus asa. Akhirnya beliau telah menghubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional untuk mendapatkan khidmat bantuan. NCCC telah menghantar surat kepada Bahagian Latihan Unit Pengiktirafan Kelayakan JPA. Namun tidak mendapat maklum balas.

Nasihat NCCC

Aduan seumpama ini banyak diterima oleh NCCC. Persaingan sengit di kalangan IPT Swasta telah menyebabkan mereka menggunakan pelbagai taktik untuk menarik perhatian bakal graduan menuntut di pusat pengajian mereka, termasuk menggunakan salinan pengiktirafan JPA yang mungkin telah dipalsukan.

Dalam hal ini, bakal graduan sewajarnya membuat semakan sendiri dengan JPA sebelum mendaftarkan diri untuk mengikuti sesuatu kursus di pusat pengajian tinggi swasta.

Sekiranya pusat pengajian tersebut mengadakan program berkembar dengan universiti awam tempatan, buat semakan dengan universiti tersebut. Ini bagi mendapatkan kepastian tentang program berkembar berkenaan.

Sekiranya keadaan ini berlaku seperti yang dialami oleh pengadu, buat tuntutan kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia.

Amalan Hijau Di Rumah

Air


- Baiki saluran paip, pili atau tandas yang bocor. Sebarang kebocoran, biarpun kecil, boleh menyumbang kepada pembaziran teruk dalam jangka masa panjang.
- Cuci kereta anda secara semulajadi - tunggu hingga hujan turun. Kemudian lap dengan air paip dengan menggunakan baldi.
- Pasangkan jenis pili yang boleh menjimatkan air.

Tenaga

- Jimatkan bahan api dengan menggunakan pendingin udara pada waktu malam dan semasa anda tiada di rumah, atau pasangkan pendingin udara yang boleh diprogramkan.
- Gunakan mentol lampu kalimantang mampat.
- Pasangkan penebat di rumah anda untuk mengelakkan kehilangan haba dan periksalah penebat ini sekerap mungkin.
- Pasangkan penebat pada pemanas air elektrik dan paip. Tetapi jangan pasang penebat pada pemanas gas dan hanya mula pasang penebat pada paip pemanas gas kira-kira enam inci jauhnya daripada pemanas.
- Elakkan dari menggunakan kereta - berjalan, menunggang basikal atau gunakan kenderaan awam sekerap mungkin.
- Elakkan penggunaan peralatan yang menggunakan bateri untuk beroperasi (atau gunakan bateri yang boleh dicaj semula atau yang boleh dicaj menggunakan solar).
- Beli barangan tempatan - bukan sahaja ia dapat membantu ekonomi tempatan, tetapi dapat menjimatkan tenaga kerana produk itu tidak perlu menyeberangi lautan untuk sampai ke tangan anda.

Bahan Toksik

- Gunakan pencuci tanpa toksik di rumah.
- Hias rumah dengan perabot yang diperbuat daripada fiber semula jadi, kayu, logam dan kaca.
- Elak dari menggunakan bahan polivinil klorida (juga dikenali sebagai PVC atau vinil) di rumah. Kitar hayat bahan-bahan yang diperbuat



daripada PVC mencemarkan alam sekitar dan rumah. Produk PVC termasuklah langsir bilik mandi, lantai dan beberapa jenis barang mainan kanak-kanak.

- Elakkan daripada menggunakan aerosol.
- Gunakan minyak kastor atau mineral untuk melicinkan suis dan engsel, dan jangan gunakan pelincir yang mengandungi bahan pelarut.
- Gunakan cat berasaskan getah, dan jangan gunakan cat berasaskan pelarut apabila mengecat rumah. Jangan sekali-kali gunakan cat berasaskan plumbum.
- Pastikan mempunyai pengudaraan yang baik dan kelembapan yang seimbang di rumah untuk mengelakkan pertumbuhan kulat yang boleh merosakkan alat-alat perpaipan dalam rumah.

Sampah

- Jangan buang sampah bertoksik seperti cat, pencair cat dan cecair kereta ke dalam tong sampah atau ke dalam longkang. Periksa jika terdapat kemudahan pembuangan yang sesuai di tempat anda dan elakkan menggunakan bahan-bahan ini pada masa hadapan.
- Bawa beg anda sendiri ketika membeli-belah. Jika anda membawa beg plastik, gunakannya hingga ia tidak boleh digunakan lagi.
- Tukarkan sisa makanan kepada baja kompos dan gunakannya untuk membaja tanaman.
- Elakkan penggunaan barangan yang mempunyai pembalut yang berlebihan.
- Sentiasa guna semula: cawan, bekas makanan, bateri, pen, pisau cukur dan sebagainya.
- Gantikan produk kertas anda dengan produk yang boleh digunakan semula (guna kertas kitar semula tanpa klorin apabila anda perlu gunakan kertas).

◀ Dari muka 1

tahap profesionalisme dan kewibawaan dalam menjalankan tugas.

- Menggunakan kekerasan dalam apa jua bentuk adalah dilarang semasa menjalankan tugas.
- Semasa mengambil semula milik, pengambil semula dimestikan mengemukakan notis kepada penyewa dan memaklumkan perkara-perkara berikut:
 - ❖ Alamat dan nombor telefon syarikat kewangan dan pegawai yang diberi kuasa untuk dihubungi segera bagi menyelesaikan sebarang masalah.
 - ❖ Pengambil semula milik perlu memberi masa yang berpatutan kepada penyewa untuk memeriksa kenderaan dan mengeluarkan barang-barang kepunyaannya.

- Seboleh-bolehnya pengambilan semula milik hendaklah dijalankan di hadapan penyewa atau sesiapa yang dibenarkan membawa kenderaan tersebut.
- Pengambil semula milik hendaklah pada bila-bila masa mengambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada.
- Semua pengambil semula milik perlu diberikan salinan dan diberi taklimat mengenai kod etika bagi Pengambilan Semula Milik oleh syarikat yang memberi pinjaman dan juga syarat-syarat yang dikenakan. Mereka juga perlu mematuhi mana-mana kod etika yang diperkenalkan dari semasa ke semasa oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia, Persatuan Syarikat-Syarikat Kewangan Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

GLOSARI

KREDIT PENGGUNA

Kemudahan kredit merupakan bentuk urusan niaga bagi memudahkan transaksi membeli. Dengan lain perkataan, istilah kredit membawa maksud pembelian secara hutang. Terdapat beberapa jenis kemudahan kredit pengguna yang ada di pasaran.

■ Kredit peniaga

Penjual membenarkan pengguna membayar harga barangan dan perkhidmatan pada masa hadapan.

■ Kredit bank

Bank memberi pengguna pinjaman melalui overdraf atau pinjaman langsung.

■ Kredit perdagangan

Peniaga bersetuju memberi pengguna keluaran atau perkhidmatan yang diperlukan pada masa itu dengan janji akan membayar sejumlah nilai tertentu pada masa hadapan.

■ Kad kredit

Pengguna membuat bayaran sesuatu

barangan atau perkhidmatan menggunakan kad kredit yang diiktiraf oleh peniaga. Bank atau institusi kewangan mengeluarkan kad kredit tersebut bertanggungjawab menjelaskan bil-bil bagi pihak pengguna. Pemilik kad kredit pula perlu membayar bil-bil tersebut termasuk bayaran perkhidmatan serta faedahnya atau apa juga syarat yang telah dipersetujui.

■ Jualan kredit

Pengguna perlu membayar sejumlah wang sebagai pendahuluan apabila membeli sesuatu barangan. Baki bayaran akan dijelaskan secara ansuran pada setiap bulan atau masa yang ditetapkan dalam tempoh yang dipersetujui. Pembeli secara ini boleh melibatkan kaedah sewa beli atau bayaran mudah. Dalam kaedah sewa beli, terdapat tiga pihak terlibat, penjual, syarikat kewangan dan pengguna. Penjual merupakan milik kepada barangan tersebut sehingga bayaran dilangsaikan, manakala pengguna pula sebagai penyewa. Bagi bayaran mudah, pengguna terus menjadi pemilik kepada barangan tersebut setelah bayaran pendahuluan dibayar.

Panduan Memilih Daging

- Pilih daging lembu yang baru disembelih (cara islam)
- Jika membeli daging import, jangan terus di simpan didalam peti sejuk, sebaliknya gantung daging untuk tujuan melembutkan serat-serat ototnya terlebih dahulu. Kemudian simpan dalam bahagian paling sejuk didalam peti sejuk. Pastikan daging dimasak, tidak lebih tiga hari daripada tarikh membeli.
- Daging digantung terlebih dahulu untuk tujuan melembutkannya. Contohnya, perhatikan daging-daging bagi tujuan eksport khususnya diluar negara. Daging akan digantung dalam bilik khas dalam jangka masa tertentu. Ia bertujuan meredakan kembali ketegangan serat otot lembu yang kejang akibat "ketakutan" ketika disembelih. Bagaimanapun mengikut hukum Islam, terdapat bacaan dan cara penyembelihan tertentu yang mencegah daging menjadi liat.
- Sekiranya membeli daging beku, pengguna tidak dapat menikmati kesegaran dan perisa semula jadi daging. Sebaliknya daging menjadi kering & liat. Ini disebabkan kehilangan air pada daging apabila proses melembutkannya dijalankan. Justeru itu, anda dinasihatkan mendapatkan daging segar yang baru disembelih untuk menjamin keenakannya apabila dimasak.

Cara Melembutkan Daging

Daging yang liat masih boleh dilembutkan dengan pelbagai cara. Tetapi ingat, sebelum diperap atau direbus, biarkan daging setongkol untuk mengekalkan kandungan air didalamnya. Jangan dipotong-potong atau dikerat kebahagian yg lebih kecil kerana daging akan kecut dan hilang air dalam jumlah yang banyak.

Melembutkan daging secara tradisi.

- Mengikut secara tradisi, sediakan sebiji betik atau nenas muda untuk daging lebih kurang 3 kilo. Kisar nenas atau betik. Perapkan bahan tersebut dengan daging tadi dan simpan selama sejam. Selepas itu, bersihkan daging dan bolehlah dipotong mengikut citarasa masing-masing.



- Cara kedua, potong buah betik atau nenas. Kemudian rebus bersama dengan daging hingga mendidih. Angkat dan asingkan kedua-dua bahan tersebut. Setelah sejuk bolehlah dipotong mengikut kegemaran masing-masing.

Melembutkan daging secara moden.

- Rebus daging bersama-sama pati santan kelapa hingga mendidih. Untuk sekilo daging, gunakan sebiji kelapa. Selain mengempuk, daging juga lebih berasa lemak dan enak kerana telah diserap santan kedalamnya.
- Terdapat cara lain melembut daging, kini menggunakan serbuk yang diperbuat daripada betik dan nenas yang boleh didapati di sesetengah pasar raya.

Hilangkan Bau Daging

- Cara pertama, dengan menggunakan tepung gandum, ataupun dengan perahan air asam limau nipis atau asam jawa. Selepas daging dipotong, masukkan sesenduk tepung dan gaul rata-rata. Biarkan 10 minit dan bersihkan daging semula.
- Jika menggunakan teknik melembutkan daging dengan buah betik atau buah nenas, anda bukan ashaja mengempukkannya tetapi bau hanyir daging turut hilang.

DIESEL UP BY FIVE SEN A LITRE

The Government raised the price of diesel by five sen to 88.1 sen a litre from today owing to skyrocketing crude oil prices and to reduce the Government's burden in providing subsidies. Oil prices are hovering at US\$52 a barrel due to cold weather conditions in the United States and Europe.

Malay Mail, 1 Mac 2005

500 REKA CIPTA DAFTAR PATEN SETAHUN

Tahap kefahaman masyarakat negara ini mengenai harta intelek masih rendah menyebabkan pembabitan mereka dalam bidang harta intelek tidak aktif dan menyeluruh iaitu dengan hanya kira-kira 500 reka cipta difailkan untuk pendaftaran paten setahun berbanding 100,000 di Korea. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata keadaan ini menyebabkan aktiviti ekonomi dan perdagangan negara didominasi harta intelek luar yang begitu ketara dengan lambakan produk dan jenama terkenal luar negara di pasaran tempatan.

Berita Harian, 3 Mac 2005

BERSEDIA HADAPI HARGA BARANG NAIK

Pengguna perlu menerima kemungkinan harga barang keperluan pada masa depan meningkat berikutan bertambahnya kos sara hidup walaupun negara menikmati pertumbuhan ekonomi kukuh dengan kadar inflasi rendah. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata kenaikan harga barang keperluan tidak dapat dielak jika dunia mencatat peningkatan kos sara hidup dengan kesannya dirasai semua sektor.

Berita Harian, 5 Mac 2005

HUKUMAN LEBIH BERAT CIPLAK HARTA INTELEK DIKAJI

Semua akta berkaitan hukuman terhadap penciplak harta intelek sedang dikaji untuk membolehkan hukuman lebih berat dikenakan terhadap mereka yang terbabit, serta menimbulkan rasa takut. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal, berkata ini selaras dengan penubuhan Mahkamah Harta Intelek yang dijangka menjadi realiti tahun depan.

Berita Harian, 12 Mac 2005

BADAN BEBAS SAHKAN BARANG KEMAS TULEN

Kerajaan akan mewujudkan sebuah badan pentauliahan bebas yang akan menguji dan menentusahkan ketulenan barang kemas seperti yang dilaksanakan di Britain bagi mengelakkan pengguna tertipu. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shafie Apdal, berkata badan itu akan memastikan harga barang kemas setanding dengan mutu serta ketulennannya.

Berita Minggu, 13 Mac 2005

CALL TO USE TAMPER-PROOF HOLOGRAPHIC LOGO

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Mohd Shafie Apdal urged the Malaysian Islamic Development Department (JAKIM) to come up with a holographic 'halal' logo which is tamper proof and not easily replicated. He said the new logo must be unique to prevent consumers from being cheated.

Malay Mail, 16 Mac 2005

PENGGUNAAN SIJIL PENYIAPAN DAN PEMATUHAN AKAN DILAKSANAKAN AKHIR TAHUN

Sijil Penyediaan dan Pematuhan akan digunakan mulai hujung tahun ini bagi menggantikan Sijil Layak Menduduki, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting. Beliau berkata bagi tujuan itu, kementerian akan meminda undang-undang berkaitan termasuk mengenai Pihak Berkuasa Tempatan dan yang mengawal selia profesional yang akan bertanggungjawab mengeluarkan sijil itu.

Bernamea, 21 Mac 2005

SAUSAGES, BURGERS SEIZED FROM FACTORIES FREE OF PORK

It was apparently a nationwide hoo-ha as the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry yesterday confirmed that sausages and burgers seized from two food-processing plants in Jalan Ipoh and Selayang Baru were free of pork. Minister Datuk Mohd Shafie Apdal said DNA analysis conducted by the Chemistry Department in Petaling Jaya on the sausages found that they were made of chicken while the casing was sourced from chicken, sheep and vegetables.

Malay Mail, 29 Mac 2005

Perokok Pasif Sama Risiko Perokok Aktif

Perokok pasif dikatakan tidak mengalami risiko kesihatan berbanding perokok aktif. Kenyataan ini adalah tidak benar. Kajian terbaru menunjukkan bahawa orang yang menghidu asap rokok daripada orang lain turut boleh mengalami risiko yang sama dengan orang yang merokok. Bahkan kanak-kanak merupakan penghidap terbesar daripada gejala ini.

Persatuan Kanser Amerika mendakwa bahawa para perokok bertanggungjawab terhadap sekurang-kurangnya 35,000 hingga 40,000 orang perokok pasif di Amerika Syarikat. Majoriti kematian itu disebabkan oleh kanser paru-paru di kalangan orang dewasa yang tidak merokok.

Penyakit lain yang turut dialami ialah gangguan pernafasan termasuk batuk, gangguan fungsi paru-paru dan pernafasan. Terdapat kanak-kanak yang sering menghidu asap rokok daripada orang yang merokok berhampirannya, telah mengalami masalah infeksi saluran pernafasan seperti pneumonia atau bronkitis. Bahkan ia boleh menyerang kanak-kanak yang berusia 18 bulan.



Persatuan Kanser Amerika juga mengingatkan bahawa sesiapa juga harus menghindari diri mereka sebagai perokok pasif. Terdapat pelbagai tempat yang sering berpotensi untuk menjadi seseorang itu sebagai perokok pasif, seperti pejabat, tempat-tempat umum seperti stadium, restoran, kafe, sekolah dan sebagainya. Bahkan rumah juga merupakan tempat yang paling berisiko apabila terdapat anggota keluarga yang merokok. Kenyataan Persatuan Kanser Amerika ini dimuatkan dalam *Health Day News*.

Sumber : Sinar Harapan

◀ Dari muka 12

- Minum susu yang telah dipastur sahaja.
- Jangan pegang makanan jika menghidap cirit-birit.
- Minum air dari sumber yang selamat. Jika mempunyai sumber bekalan air persendirian, periksa terlebih dahulu beberapa kali dalam setahun.
- Bekukan daging secepat mungkin selepas membelinya dan bekukan daging di bahagian beku.
- Apabila memasak ataupun memagang daging seperti burger atau pelbagai jenis daging, ia perlu dimasak sepenuhnya, khususnya di bahagian tengah.
- Daging dan jus hendaklah berwarna perang, pastikan bukannya berwarna merah atau merah jambu.
- Letakkan daging yang telah dimasak dalam pinggan yang bersih. Jangan gunakan semula perkakas yang telah bersentuhan dengan daging mentah.
- Hidangkan daging masak secepat mungkin ataupun biarkan ia dipanaskan (60°C atau 140°F).
- Seseorang yang dijangkiti bakteria E.Coli tidak boleh berkongsi perkakas makanan dengan orang lain. Selain itu, tuala mandi, tuala muka, cadar dan sebagainya perlu dicuci secara berasingan dengan air panas dan peluntur bagi menghilangkan kuman.

Sumber: Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat dan Kesihatan Kanada / Minggu Malaysia, 26 Disember 2004

Serangan Bakteria E.COLI

Escherichia Coli atau E. Coli adalah sejenis bakteria di mana biasanya didapati daripada sisa buangan manusia dan haiwan. Ia merupakan sebahagian flora normal usus pada haiwan dan manusia. Dalam hal ini E.Coli membantu menghalang penempatan organisme patogen yang boleh menyebabkan penyakit. Selain itu ia juga dapat menghasilkan vitamin K dan B Kompleks yang amat diperlukan oleh tubuh.

Bagaimanapun, apabila bakteria ini wujud dalam ekologi yang berlainan, ia akan menjadi bakteria yang membahaya. Ia boleh menjadi agen penyebab kepada penyakit jangkitan saluran kencing, jangkitan kuman dalam darah, radang selaput otak pada bayi, cirit-birit dan sebagainya.

Bagaimana E.Coli wujud dalam air

E.Coli berpunca daripada sisa buangan manusia dan haiwan. Ia berkemungkinan dibawa ke dalam sungai, tasik, takungan air dan sebagainya semasa hujan turun. Jika sumber air tersebut yang tidak dikendalikan dengan baik ataupun proses pengendaliannya yang tidak mencukupi, menyebabkan E.Coli mencemari sumber air minuman itu.

Jenis E-Coli

■ Enterotoksigenik E.Coli

Ia dialami oleh para pengembara atau bayi di negara membangun. Biasanya ia disebabkan oleh makanan atau minuman yang telah dicemari oleh najis. Antara gejalanya ialah kekejangan perut, muntah dan cirit-birit.

■ Enteropatogenik E.Coli

Ia boleh menyebabkan masalah cirit-birit kepada bayi. Gejala yang dialami ialah demam, mual dan muntah-muntah.

■ Enteroinvasif E.Coli

Bakteria ini disebabkan oleh makanan.

Penghidapnya akan mengalami demam, kekejangan perut, cirit-birit yang adakalanya juga bercampur dengan darah.

■ Enteroagregatif E.Coli

Ia menyebabkan masalah cirit-birit berair kepada bayi secara berlanjutan sehingga bayi tersebut mengalami dehidrasi.

■ Enterohemogragik E.Coli

Ia berpunca daripada bakteria E.Coli 0157:H7 yang menyebabkan penyakit yang teruk kepada manusia. Penghidap akan mengalami cirit-birit yang melarat sehingga berlakunya pendarahan usus. Masalah ini berlaku apabila makan produk tenusu seperti susu atau jus buah yang tidak dipastur, sayur-sayuran yang tidak dimasak seperti salad dan produk daging yang separuh masak. Gejala yang wujud daripadanya ialah kekejangan perut dan cirit-birit berdarah. Ia boleh berlanjutan sehingga menyebabkan komplikasi hemolytic uremic syndrome sindrom hemolitik uremik (HUS).

Rawatan

Pesakit yang mengalami masalah jangkitan saluran kencing, radang selaput otak pada bayi dan jangkitan pada luka pembedahan, akan diberikan ubat antibiotik tertentu. Manakala pesakit yang cirit-birit pula perlu mengambil air bercampur garam gantian yang secukupnya sama ada secara minuman atau *intravane*.

Pencegahan jangkitan bakteria E.Coli

- Mencuci tangan dengan kerap dan bersih.
- Cuci dan basuh semua perkakas selepas bersentuhan dengan daging mentah.
- Daging mentah hendaklah dimasak sehingga warnanya tidak kelihatan merah jambu.

Ke muka 11 ►►